

SELANGOR

ENAKMEN No. 2 tahun 1989

**ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN
ISLAM 1989**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kekecualian hak-hak prerogatif.

BAHAGIAN II

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

4. Penubuhan dan memperbadankan Majlis Agama Islam Selangor.
5. Keahlian Majlis.
6. Jawatankuasa.
7. Tamat perlantikan.
8. Pembatalan perlantikan.
9. Perlantikan sementara.
10. Perlantikan hendaklah diwartakan.
11. Setiausaha.
12. Kehadiran bukan ahli dalam mesyuarat.
13. Mempengerusikan Mesyuarat.
14. Korum.
15. Perjalanan urusan.
16. Memanggil mesyuarat.
17. Kuasa Penggerusi.
18. Kewajipan dan kuasa Setiausaha.
19. Minit.
20. Peraturan mesyuarat dan pengundian.

SELANGOR No. 2 TAHUN 1989

Seksyen

21. Salinan keputusan.
22. Cuti.
23. Bertindak dalam perkara tergempar.
24. Penurunan kuasa dan tugas-tugas.
25. Rahsia.
26. Penjawat Awam.
27. Majlis boleh membuat prosedur sendiri.
28. Kuasa Majlis dalam hal ehwal Agama.
29. Perlantikan Mufti.
30. Kuasa Mufti.
31. Fatwa.
32. Bentuk fatwa.
33. Pindaan ubahsuaian atau pembetulan fatwa.
34. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syariah.
35. Permintaan untuk pendapat oleh Mahkamah.
36. Nas yang akan diikuti.

BAHAGIAN III

MAHKAMAH SYARIAH

37. Penubuhan Mahkamah Syariah.
38. Perlantikan Hakim-hakim Syarie.
39. Tempoh memegang jawatan Hakim Mahkamah Syariah.
40. Perlantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah.
41. Pendaftar.
42. Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah.
43. Bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah.
44. Rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah.
45. Permohonan untuk kebenaran merayu.
46. Sijil Faraid.
47. Bidangkuasa menyemak dan mengawas.
48. Bidangkuasa Mahkamah Rayuan Syariah.
49. Keahlian Mahkamah Rayuan Syariah.
50. Keputusan bagaimana dibuat.
51. Penerusan prosiding dalam Mahkamah Rayuan Syariah walaupun ketiadaan Hakim.
52. Mengeluarkan orang bukan Islam dari bidangkuasa.
53. Peraturan Rayuan.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

BAHAGIAN IV

PENDAKWAAN DAN PERWAKILAN

Seksyen

54. Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatuasa Agama.
55. Peguam Syarie.

BAHAGIAN V

MASJID

56. Pemegangan amanah masjid dan tanah yang berkaitan.
57. Sekatan membina masjid.
58. Penjagaan, masjid dan kawasan.
59. Sempadan Kariah Masjid.
60. Perlantikan Pegawai Masjid.
61. Tauliah.
62. Tempoh jawatan Pegawai Masjid.
63. Kawalan dan arahan ke atas pegawai masjid.
64. Jawatankuasa Kariah.
65. Pengecualian.

BAHAGIAN VI

PUNGUTAN KHAIRAT

66. Pungutan Khairat.

BAHAGIAN VII

ORANG MEMELUK AGAMA ISLAM

67. Keupayaan masuk Islam.
68. Syarat memeluk Agama Islam.
69. Saat memeluk Agama Islam.
70. Pemelukan Agama Islam oleh kanak-kanak.
71. Hak dan kewajipan muallaf.
72. Daftar muallaf.
73. Pendaftaran pemelukan ke Agama Islam.
74. Sijil Pemelukan ke Agama Islam.
75. Pengiktirafan Muallaf sebagai orang Islam.
76. Mengentuk sama ada orang yang tiada didaftarkan seorang Islam.
77. Kesalahan memberi maklumat palsu.
78. Kuasa membuat kaedah.

SELANGOR NO. 2 TAHUN 1989

**BAHAGIAN VIII
PELAJARAN AGAMA**

Sekoyen

79. Jawatankuasa Penasihat Agama.
80. Sekolah Agama bukan milik Kerajaan.
81. Kekecualian.

BAHAGIAN IX

AM

82. Kaedah.
83. Pengecualian kaedah dan perlantikan.
84. Pertukaran nama Mahkamah Kadi.
85. Pertukaran nama Mahkamah Kadi Besar.
86. Kecualian.
87. Pemansuhan.

SELANGOR

ENAKMEN No. 2 tahun 1989

BETA PERKENANKAN,

t.t.

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

14hb September 1989.

Suatu Enakmen bagi meminda dan menyatukan undang-undang berkaitan dengan Pentadbiran Perundangan Islam bagi Negeri Selangor.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989.
(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi berkuatkuasanya bahagian-bahagian yang berlainan Enakmen ini.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuatkuasa.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang berlainan—

“anak kariah berhubung dengan suatu kariah masjid, ertiinya seseorang yang tinggal tetap atau pada lazimnya tinggal dalam kariah masjid:

En. 3/52.

“Enakmen 1952” ertiinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1952 bagi Negeri Selangor;

“Hakim Syarie” atau “Hakim” ertiinya Hakim Syarie yang dilantik di bawah seksyen 38 (1);

“Hakim Mahkamah Rendah Syariah” ertiinya Hakim Mahkamah Syariah yang dilantik di bawah seksyen 40 (1);

“Hudud Syarie” ertiinya hukuman yang ditetapkan oleh Al-Quran atau Hadith;

“Hukum Syara’” ertiinya Undang-undang Islam dalam mana-mana Mazhab yang sah;

“Jawatankuasa Kariah” ertiinya Jawatankuasa Kariah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 64 (1);

“Kariah” atau “Kariah Masjid” berhubung dengan masjid, ertiinya kawasan atau sempadan yang ditentukan di bawah seksyen 59, di mana masjid itu berada;

“Ketua Hakim Syarie” ertiinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah Seksyen 38 (1);

“Ketua Pendakwa Syarie” ertiinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 54 (1);

“Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” ertiinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, setakat mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Seksyen 37;

“Majlis” ertiinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4 (1);

“Masjid” dalam Seksyen 57, ertiinya suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang dan kegiatan yang berkaitan, diluluskan

atau digalakkan oleh Agama Islam, dan dalam seksyen-seksyen lain ertiya mana-mana masjid atau surau yang disenaraikan dalam Rekod Jabatan Agama Islam Selangor yang Majlis telah memberi kebenaran sebagai Masjid;

“Mufti” ertiya Mufti yang dilantik menjadi Mufti bagi Negeri Selangor mengikut Seksyen 29 dan termasuk Timbalannya;

“Muallaf” ertiya seseorang yang baru memeluk agama Islam;

“Pegawai Masjid” ertiya Naqib, Imam, Bilal dan Siak bagi sesuatu masjid;

“Pegawai Penguatkuasa Agama” ertiya pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 54 (4);

“Peguam Syarie” ertiya seseorang yang dilantik sebagai Peguam Syarie di bawah Seksyen 55;

“Pembantu Bilal” ertiya Bilal Rakyat atau Bilal yang dipilih oleh anak kariah sesuatu masjid;

“Pengerusi” ertiya Pengerusi Majlis;

“Setiausaha” ertiya Setiausaha Majlis yang dilantik di bawah Seksyen 11;

“Seseorang Islam” ertiya—

- (a) seseorang yang menganut Agama Islam;
- (b) seseorang yang sama ada kedua ibubapa atau salah seorang keluarganya, pada masa kelahirannya adalah Islam;
- (c) seseorang yang sejak lahir, dididik atau telah dididik oleh orang Islam atau dengan cara yang diterima oleh Islam;
- (d) seseorang yang telah memeluk Agama Islam mengikut Seksyen 68 atau dengan kuasa Seksyen 69;
- (e) seseorang yang lazimnya dikenali sebagai Islam; atau

(f) seseorang yang ternyata telah menyebut dalam keadaan mana ia terikat dengan undang-undang bagi menyatakan kebenaran bahawa ia adalah seorang Islam, sama ada kenyataan itu secara lisan atau bertulis.

Akta 23/67.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditakrifkan dengan tertentu di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Pentafsiran 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya masing-masing oleh Akta itu setakat mana ia tidak bertentangan dengan Hukum Syariah.

Akta 23/67.

(3) bagi mengelakkan keraguan berkenaan sifat atau tafsiran perkataan atau perbahasan yang digunakan di dalam Enakmen ini yang disenaraikan di dalam Jadual, rujukan boleh dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan itu dan perbahasan yang ditunjukkan bertentangan dengannya.

Kekecualian
hak-hak
prerogatif.

3. Melainkan dinyatakan dengan jelas di dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa istimewa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam Selangor, sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Bab 1 Perkara XLVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor.

BAHAGIAN II

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Penubuhan
dan memper-
badankan
Majlis Agama
Islam
Selangor.

4. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan yang hendaklah menjadi suatu perbadanan bernama "Majlis Agama Islam Selangor" dan yang kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya yang tersebut itu, dan tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta takalih dan boleh memindahhak, menyerahhak, menyerahbalik, mengulang, menggadai, menggadai janji, mendemis, menyerahhak semula, memindah-

milik atau dengan secara lain melepaskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih dan harta takalih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletakhak pada Majlis mengikut apa-apa syarat yang Majlis fikirkān patut.

- (2) (a) Apabila sahaja mula berkuatkuasa Bahagian ini "Majlis Agama Islam Selangor" yang wujud dengan kuasa seksyen 5 Enakmen 1952 hendaklah disifatkan sebagai badan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1);
- (b) Segala hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang sebelum mula berkuatkuasa Bahagian ini adalah terletakhak atau dipertanggungkan kepada "Majlis Agama Islam Selangor" hendaklah pada mula berkuatkuasa Enakmen ini terletakhak dan dipertanggungkan kepada Majlis, terkecuali mana-mana yang tidak bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan.
- (c) Segala harta, alih atau takalih, daripada segala jenis, yang sebelum mula berkuatkuasa Enakmen ini adalah terletakhak kepada "Majlis Agama Islam Selangor" hendaklah, pada mula berkuatkuasa Bahagian ini dengan tiada perlunya dipindahak, diserahkan atau dipindahmilik hendaklah terletakhak kepada Majlis.

5. (1) Majlis hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut iaitu: Keahlian Majlis.

- (a) Pengerusi;
- (b) Timbalan Pengerusi;
- (c) Mufti;
- (d) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (e) Pegawai Kewangan Negeri;
- (f) Ketua Polis Negeri;
- (g) 10 ahli yang dilantik, sekurang-kurangnya 5 daripadanya terdiri daripada 'alim ulamak.

(2) Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan lain-lain yang dilantik di bawah perenggan (g) subseksyen (1) hendaklah orang Islam dan hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Menteri Besar bagi tempoh tersebut tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menetapkan atas nasihat Menteri Besar.

(3) Seorang ahli yang tempoh jawatannya telah tamat bolehlah dilantik semula.

(4) Jika pada masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam perenggan (d), (e) dan (f) ialah bukan Islam, Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Menteri Besar hendaklah melantik orang Islam dari Jabatan yang sama menjadi ahli menggantikan orang tersebut.

(5) Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasanya seksyen ini adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor hendaklah tertakluk kepada Enakmen ini, terus menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Majlis yang lain sehingga tamat tempoh perlantikannya.

Jawatankuasa. 6. Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi membantunya menjalankan tugas atau melaksanakan kuasanya.

Tamat
perlantikan.

7. Perlantikan ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis hendaklah tamat—

- (a) atas kematianya; atau
- (b) jika dia, dengan surat yang dialamatkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Pengerusi, meletakkan jawatannya; atau
- (c) jika dia tidak berada di Malaysia, tanpa kebenaran bertulis dari Pengerusi, bagi tempoh melebihi tiga bulan.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

8. Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Menteri Besar, boleh membatalkan perlantikan mana-mana ahli yang dilantik oleh Majlis:

Pembatalan perlantikan.

- (a) jika kelakuannya sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai ahli atau sebaliknya telah memburukkan nama Majlis; atau
- (b) jika atas sebab dia telah menjadi tidak berkeupayaan menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai ahli; atau
- (c) jika dia, tanpa sebarang alasan yang pada fikiran Pengerusi adalah mencukupi, telah tidak hadir selama tiga kali berturut-turut mesyuarat Majlis.

9. (1) Jika sekiranya atas sebab ketiadaan sementara ataupun atas sebab keuzuran mana-mana ahli mesyuarat Majlis, Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Menteri Besar, boleh melantik seseorang bagi sementara waktu menggantikannya.

Perlantikan sementara.

(2) Perlantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah tamat tujuh hari selepas ahli sebenar memberi notis bertulis kepada Pengerusi akan meneruskan tugasnya semula.

(3) Satu salinan notis di bawah subseksyen (2) hendaklah juga diberi kepada ahli sementara.

10. Semua perlantikan dan pembatalan perlantikan di bawah seksyen 6, 7, 8 dan 9 hendaklah diberitahu melalui *Warta*.

Perlantikan hendaklah diwartakan.

11. (1) Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Setiausaha. hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

(2) Setiausaha hendaklah menjadi Ketua Pentadbir Majlis dan hendaklah bertanggungjawab menjalankan dasar dan keputusan Majlis.

(3) Setiausaha adalah berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan mengambil bahagian dalam perjalannya tetapi tidak boleh mengundi.

SELANGOR No. 2, TAHUN 1989

Kehadiran
bukan ahli
dalam
mesyuarat.

12. (1) Pengerusi boleh menjemput sesiapa yang bukan ahli Majlis hadir dalam mesyuarat Majlis, jika perkara yang dibincang dalam mesyuarat memerlukan kehadiran orang itu.

(2) Seseorang yang dijemput hadir di bawah subseksyen (1) adalah berhak mengambil bahagian dalam perbincangan Majlis, tetapi tidak boleh mengundi.

Mempenge-
rusikan
Mesyuarat.

13. (1) Pengerusi atau jika ketiadaannya, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika kedua-duanya iaitu Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam mesyuarat, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang daripada ahli Majlis mempengerusikan mesyuarat.

Korum.

14. Tiada urusan, kecuali yang berkenaan peningguhan yang patut dibuat dalam mesyuarat, dan tiada keputusan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan di dalam mesyuarat, menjadi sah, kecuali sekurang-kurangnya satu pertiga ahli-ahli termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

Perjalanan
urusani

15. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, semua urusan Majlis hendaklah dijalankan dalam mesyuarat yang diadakan sebegini kerap dan hendaklah dijalankan dengan keputusan lebih suara ahli-ahli yang hadir dan berhak mengundi.

(2) Keputusan bertulis yang ditandatangani oleh semua ahli Majlis hendaklah, kecuali di dalam hal-hal tertentu atau jenis-jenis tertentu Duli Yang Maha Mulia Sultan mengarahkan sebaliknya, mempunyai kesan yang sama seperti keputusan yang telah diluluskan di bawah subseksyen (1).

Memanggil
mesyuarat.

16. (1) Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.

(2) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.

(3) Empat orang ahli Majlis boleh pada bila-bila masa dengan bertulis menghendaki Setiausaha memanggil mesyuarat Majlis dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha tujuan mesyuarat itu dipanggil.

(4) Setiausaha hendaklah dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh terima arahan atau kehendak di bawah subseksyen (2) atau (3) atau jika Pengerusi mengarahkan serta merta, sebaik sahaja menerima arahan tersebut atau kehendak tersebut memanggil mesyuarat.

(5) Sekurang-kurangnya tujuh hari notis bertulis hendaklah diberi mengenai mana-mana mesyuarat tetapi Pengerusi bolehlah, jika dia fikir bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih pendek mengarahkan kehendak notis tujuh hari itu tidak perlu diikuti.

(6) Notis mesyuarat boleh dihantar melalui pos kepada ahli yang dialamatkan kepada alamat tempat tinggalnya yang terakhir diketahui dan hendaklah dianggap telah diserahkan dengan cara pos.

(7) Tiada notis mesyuarat diperlukan dalam hal ahli yang sedang berada di luar negeri.

17. Pengerusi hendaklah berkuasa menjalankan segala rundingan dan prosiding pada masa mesyuarat Majlis dan bertanggungjawab kepada aturan perjalanan dan kelancarannya.

Kuasa Pengerusi.

18. Tertakluk kepada apa-apa perintah yang diberi oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah berkuasa ke atas semua surat-menyurat dan dokumen Majlis dan dalam hal lain menjalankan segala kewajipan yang ditanggungkan kepadanya oleh Enakmen ini atau yang diserahkan oleh Pengerusi.

Kewajipan dan kuasa Setiausaha.

SELANGOR NO. 2 TAHUN 1989

Minit.

19. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala mesyuarat Majlis dan pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan tertakluk kepada apa-apa pindaan yang dibuat.

(2) Kecuali diarahkan sebaliknya oleh Majlis dalam kes-kes tertentu, minit hendaklah secara ringkas dan mengandungi keputusan dan perkara yang mustahak.

(3) Dengan seberapa segera selepas tiap-tiap mesyuarat Majlis satu salinan minit hendaklah disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan kepada semua ahli Majlis.

(4) Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan sebegitu kerap yang tidak melebihi tiga bulan berselang antara satu mesyuarat dengan yang lain.

Peraturan
mesyuarat
dan
pengundian.

20. (1) Pengerusi hendaklah menetapkan tertib perkara-perkara yang dimesyuaratkan.

(2) Pengerusi boleh menentukan tertib ahli-ahli yang hendak bercakap dalam mesyuarat dan boleh juga menghendaki mana-mana ahli berhenti dari bercakap di dalam mesyuarat.

(3) Segala keputusan mesyuarat Majlis hendaklah diambil secara *syura*.

Salinan
keputusan.

21. Satu salinan apa-apa keputusan Majlis yang telah diakui sah oleh Setiausaha sebagai salinan keputusan Majlis, adalah mencukupi sebagai keterangan di Mahkamah dan semua Mahkamah hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman mengenai tandatangan Setiausaha.

Cuti.

22. Pengerusi hendaklah jika dia menjangka tidak akan berada di Negeri Selangor atas apa-apa sebab selama lebih daripada tiga puluh hari, memohon cuti daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan yang akan memberi apa-apa arahan sebagaimana Baginda fikirkan patut, dan ahli-ahli yang lain dan Setiausaha hendaklah memohon cuti daripada Pengerusi.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

23. (1) Dalam perkara tergempar, Pengerusi boleh membuat atau mengarahkan dibuat bagi pihak Majlis apa-apa perbuatan atau perkara yang agak sah boleh dibuat dengan ketetapan Majlis.

(2) Jika sesuatu perbuatan atau perkara itu dibuat mengikut subseksyen (1) suatu mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dalam tempoh seminggu selepas itu bagi maksud mengesahkan dan memperakui perbuatan atau perkara yang dibuat dan jika Majlis enggan mengesahkan dan memperakui perbuatan atau perkara yang dibuat itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memberi perintah di atas perkara itu sebagaimana difikirkan patut.

Bertindak
dalam
perkara
tergempar.

24. (1) Majlis boleh dengan ketetapan, dan tertakluk kepada keadaan tertentu dan sekatan sebagaimana Majlis fikirkan patut, menurunkan kuasa kepada Pengerusi atau Setiausaha atau kepada mana-mana Jawatankuasa Majlis mengenai perlaksanaan perjalanan mana-mana kuasanya.

Penurunan
kuasa dan
tugas-tugas.

(2) Perlaksanaan tugas dan perjalanan kuasa mengikut penurunan kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

(3) Pengerusi, Setiausaha atau Jawatankuasa hendaklah memberitahu Majlis semua perbuatan dan perkara yang dibuat olehnya atau oleh Jawatankuasa itu mengikut penurunan kuasa di bawah subseksyen (1).

25. Perjalanan urusan Majlis hendaklah dirahsiakan **Rahsia**. dan tiada seorang ahli pun atau penjawatnya boleh menyarkan atau memberitahu kepada sesiapa, selain daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, Menteri Besar dan mana-mana ahli Majlis sesuatu perkara yang telah berbangkit dalam mana-mana mesyuarat kecuali dia dibenarkan atau dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis.

Penjawat
Awam.
N.M.B.
Bab 45.

Majlis boleh
membuat
prosedur
sendiri.

Kuasa Majlis
dalam hal
ehwal
Agama.

Perlantikan
Mufti.

Kuasa Mufti.

26. Ahli, pegawai atau penjawat Majlis hendaklah dianggap sebagai penjawat awam bagi maksud Kanun Kesiksaan.

27. Majlis boleh, tertakluk kepada Enakmen ini menentukan semua soalan berkaitan dengan prosedur dan amalananya sendiri.

PIHAK BERKUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA

28. Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan Agama Islam, kecuali perkara Hukum Syara' dan yang berhubung dengan Pentadbiran Keadilan, setakat yang mengenai Negeri dan dalam semua perkara tersebut, hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubung dengan Agama Islam.

29. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti bagi Negeri.

(2) Apabila berkuatkuasa seksyen ini orang yang menjadi Mufti bagi Negeri Selangor sebelum sahaja berkuatkuasanya seksyen ini, hendaklah dianggap sebagai telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti bagi Negeri dan hendaklah terus menjalankan tugasnya.

(3) Seseorang Timbalan Mufti boleh dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk membantu Mufti menjalankan tugasnya di bawah Enakmen ini.

30. Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syara', dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini.

PENIADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

31. (1) Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat dengan suiat yang dialamatkan kepada Mufti, dan hendaklah atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan memberitahu dalam *Warta* fatwa atau pendapat atas sesuatu soalan yang belum terputus atau soalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkaitan dengan Hukum Syara'. Fatwa.

(2) Tiada sesuatu kenyataan yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa kecuali dan sehingga ianya diwartakan mengikut subseksyen (1).

(3) Sebaik sahaja diwartakan dalam *Warta*, sesuatu fatwa hendaklah mengikat orang Islam yang tinggal di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya mengikuti dan berpegang dengan fatwa itu, kecuali ia dibenarkan oleh Hukum Syara', menyimpang dari fatwa itu dalam hal kewajipan peribadi, kepercayaan atau pendapat.

(4) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah dalam Negeri Selangor sebagai yang penuh berkuasa dalam perkara yang ditetapkan itu.

32. (1) Sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat mengikut seksyen 31. Bentuk fatwa.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah diwartakan dalam Bahasa Malaysia dalam tulisan rumi, tetapi kandungan fatwa itu dalam tulisan Jawi boleh juga diterbitkan.

33. (1) Mufti boleh memula, mengubah atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah terlebih dahulu dikeluarkan olehnya atau oleh mana-mana Mufti terdahulu darinya. Pindaan, ubahsuaian atau pembetulan fatwa.

(2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan ke atas sesuatu fatwa hendaklah dianggap menjadi fatwa dan peruntukan-peruntukan subseksyen (3) dan (4) seksyen 31 dan subseksyen (2) seksyen 32 hendaklah terpakai.

Jawatan-
kuasa.
Perundingan
Hukum
Syara

En. 3/52.

Permintaan
untuk
pendapat
oleh
Mahkamah

(3) Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat mengikut kehendak subseksyen (1).

34. (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai 'Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—

- (a) Mufti sebagai Pengurus;
- (b) Timbalan Mufti;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor;
- (d) seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syara' yang akan dilantik oleh Majlis;
- (e) sekurang-kurangnya dua orang, tetapi tidak lebih daripada lima orang yang akan dilantik oleh Majlis, terdiri daripada orang-orang yang mahir dalam Hukum Syara'.

(3) Orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa seksyen ini, telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Undang-Undang Agama yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 (1) Enakmen 1952, hendaklah dianggap telah dipilih atau dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' dan hendaklah terus menjalani ahli sehingga tamat tempoh perlantikannya.

(4) Apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah Seksyen 31, dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan perkara yang hendak diberi fatwa itu.

(5) Sebelum Mufti membuat fatwa, ia boleh mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dibuat dan kertas kerja disediakan.

35. Walau apa pun undang-undang bertulis yang berlawanan, Mufti tidaklah boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai Undang-Undang Islam di dalam mana-mana Mahkamah Sivil

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

atau Mahkamah Syariah tetapi jika di dalam Mahkamah lain daripada Mahkamah Syariah, sesuatu soalan Hukum Syariah patut diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta Mufti memberi pendapat mengenai hal itu, dan Mufti boleh mengesahkan pendapatnya kepada Mahkamah itu.

36. (1) Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 31 atau mengesahkan sebarang pendapat di bawah seksyen 35, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie. Nas yang akan diikuti.

(2) Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad dari Mazhab Shafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikuti qaul muktamad dari Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki atau Mazhab Hambali.

(3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada suatu daripada qaul muktamad dari empat Mazhab boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah memutuskan masalah itu mengikut pendapatnya dengan tidak terikat dengan qaul muktamad dari manapun Mazhab yang empat.

BAHAGIAN III MAHKAMAH SYARIAH

37. Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis boleh dengan pemberitahuan dalam Warta menghubungkan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Selangor pada tempat yang difikirkan sesuai.

Penubuhan
Mahkamah
Syariah.

38. (1) Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis Perlantikan
Hakim-
hakim Syarie

(2) Sebelum mengemukakan nasihatnya mengenai perlantikan seseorang Hakim Syarie, selain daripada Ketua Hakim Syarie, Majlis hendaklah merujuk kepada Ketua Hakim Syarie.

(3) Seseorang itu adalah layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika -

(a) dia seorang warganegara; dan

(b) telah berkhidmat tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum tarikh perlantikannya sebagai Peguam Syarie di mana-mana Mahkamah Syariah atau sebagai anggota Mahkamah Syariah atau mempunyai kepakaran di bidang perundangan Islam.

(4) Bagi maksud subseksyen (3) seseorang yang sebelum berkuatkuasa Enakmen ini telah pun beramali sebagai peguambela di Mahkamah Syariah hendaklah dianggap sebagai Peguam Syarie dan seseorang yang telah berkhidmat sebagai Kadhi atau Pendakwa di Mahkamah Syariah hendaklah dianggap sebagai anggota Mahkamah Syariah.

(5) Semua perlantikan di bawah seksyen ini hendaklah diwartakan.

Tempoh
memegang
jawatan
Hakim
Mahkamah
Syariah.

39. (1) Tertakluk kepada peruntukan subseksyen (2) hingga (5), seseorang Hakim Syarie hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh lima tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya sebagaimana diluluskan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, tetapi masa itu tidak boleh terkemudian daripada enam bulan selepas dia mencapai umur enam puluh lima tahun.

(2) Seseorang Hakim Syarie boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan tetapi dia tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali mengikut peruntukan seksyen ini yang berikut.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

(3) Jika, Ketua Hakim Syarie merayu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan menyatakan bahawa seseorang Hakim Syarie patut dipecat oleh kerana—

- (a) kelakuannya tidak baik; atau
- (b) dia tidak berupaya oleh kerana kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain menyempurnakan tugas dengan sepatutnya;

Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik suatu tribunal mengikut subseksyen (4) dan merujukkan rayuan itu kepadanya; dan atas syor tribunal itu Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memecat Hakim Syarie itu daripada jawatannya.

(4) Tribunal tersebut hendaklah mengandungi tidak kurang daripada lima orang yang berugama Islam yang memegang atau telah memegang jawatan sebagai Hakim Syarie atau Hakim Mahkamah Awam di Malaysia, dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh ahli yang pertama mengikut susunan yang berikut iaitu Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah mengikut keutamaan antara mereka sendiri, dan ahli-ahli lain mengikut tarikh perlantikan mereka bagi jawatan yang melayakkan mereka menjadi ahli.

(5) Sementara menantikan apa-apa rujukan dan laporan di bawah subseksyen (3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, mengantung seseorang Hakim Syarie daripada menjalankan tugasnya.

(6) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan bagi memperuntukkan syarat jawatan, perletakan dan perlucutan jawatan Ketua Hakim Syarie.

(7) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), sahnya apa-apa perkara yang dilakukan oleh seseorang Hakim Syarie tidak boleh dipersoal atas alasan bahawa Hakim Syarie itu telah mencapai had umur yang dia dikehendaki bersara.

(8) Peruntukan seksyen ini hendaklah dipakai ke atas Ketua Hakim Syarie dan Hakim-Hakim Syarie.

Perlantikan
Hakim Mah-
kamah
Rendah
Syariah.

40. (1) Hakim Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas perakuan Ketua Hakim Syarie.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik menjadi Hakim Mahkamah Rendah Syariah kecuali dia adalah seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah atau Perkhidmatan Awam.

(3) Semua perlantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah diwartakan.

Pendaftar.

41. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Ketua Hakim Syarie boleh melantik seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, seorang Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan beberapa orang Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik di bawah subseksyen (1) kecuali dia adalah seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah atau Perkhidmatan Awam.

Bidangkuasa
Mahkamah
Tinggi
Syariah.

42. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negeri Selangor dan hendaklah diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

(a) dalam bidangkuasa jenayah, membicarakan semua kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan dihukum di bawah Enakmen ini atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984 atau undang-undang bertulis lain yang memberi kepada Mahkamah Syariah bidangkuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan, dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang diperuntukkan di dalamnya;

En. 4.84.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

- (b) dalam bidangkuasa Mal mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan:
- (i) pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);
 - (ii) sebarang pelupusan atau tuntutan kepada harta yang wujud daripada perkara-perkara yang disebut dalam sub perenggan (i);
 - (iii) nafkah tanggunggan, kesahtaranan atau penjagaan (hadzanah) atau jagaan kanak-kanak;
 - (iv) pembahagian atau tuntutan kepada harta sepencarian;
 - (v) wasiat atau pemberian pada ketika hampir mati (maradhu'l maut) seseorang simati Islam;
 - (vi) pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam;
 - (vii) wakaf atau nazar;
 - (viii) menentu dan membahagikan harta berwasiat dan tidak berwasiat orang Islam; atau
 - (ix) perkara lain yang berkenaan dengannya, bidangkuasa diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.

43. (1) Mahkamah Rendah Syariah adalah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negeri Selangor dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Bidangkuasa
Mahkamah
Rendah
Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah:

- (a) dalam bidangkuasa jenayah membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam di bawah Enakmen ini atau di bawah undang-undang bertulis lain yang memberi kepada Mahkamah Syariah bidangkuasa membicarakan sebarang kesalahan yang mana hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi *dua ribu ringgit*, atau penjara bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan itu;
- (b) dalam bidangkuasa Mal, mendengar, dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Rendah Syariah dibenarkan mendengar dan memutuskannya dalam mana jumlah atau nilai hal perkara yang diperlakukan tidak melebihi *seratus ribu ringgit* atau yang tidak dapat dianggarkan dengan wang.

(3) Dulü Yang Maha Mulia Sultan boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* meluaskan bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah.

Rayuan ke
Mahkamah
Tinggi
Syariah

44. (1) Suatu rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah:

- (a) dalam bidangkuasa jenayah, oleh pendakwa atau oleh orang yang telah sabit kesalahan, dan rayuan ini bolehlah terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripada yang tersebut itu;
- (b) dalam bidang kuasa Mal
 - (i) oleh mana-mana orang yang terkilan oleh keputusan itu, jika jumlah yang dituntut itu tidak kurang daripada lima ratus ringgit;

(ii) dalam semua kes yang melibatkan mana-mana keputusan mengenai status peribadi, oleh mana-mana orang yang terkilan oleh keputusan itu;

(iii) dalam semua kes yang berkaitan dengan nafkah tanggungan oleh mana-mana orang yang terkilan oleh keputusan itu.

Dengan syarat bahawa tiada suatu rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan

(c) dalam kes-kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberi kebenaran membuat rayuan.

(2) Dalam mana-mana rayuan Mahkamah Tinggi Syariah boleh:

(a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah yang membicarakan kes itu memanggil kes pemelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman itu, memerintahkan pembicaraan semula, atau meminda, atau membatalkan sebarang perintah oleh Mahkamah yang membicarakan kes itu;

(b) dalam perkara Mal, mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan Mahkamah yang membicarakan kes itu, menjalankan mana-mana kuasa tersebut sebagaimana Mahkamah yang membicarakan boleh melaksanakannya, membuat perintah sebagaimana Mahkamah yang membicarakan sepertunya membuatnya, atau memerintahkan pembicaraan semula.

45. (1) Suatu permohonan untuk rayuan atau permohonan untuk kebenaran merayu di bawah seksyen 44 (1) (c) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah dengan cara yang ditetapkan, dalam

SELANGOR No. 2 TAHUN 1989

tempoh empat belas hari daripada tarikh hukuman, perintah atau keputusan yang berhubung dengan permohonan itu dibuat.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah semasa mendengar mana-mana permohonan untuk rayuan atau untuk kebenaran untuk merayu boleh atas alasan yang tertentu melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah tamat.

Sijil
Faraid.

46. Jika dalam masa prosiding yang berkaitan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pesaka seorang simati Islam, sesuatu Mahkamah atau pihak berkuasa selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, adalah terpaksa memutuskan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pesaka itu atau bahagian-bahagian yang kepada orang itu masing-masing berhak, Mahkamah Syariah boleh atas permintaan Mahkamah itu atau pihak berkuasa itu, atau atas permohonan daripada mana-mana orang yang mendakwa sebagai waris atau wakilnya dan setelah dibayar fee yang ditetapkan, mengesahkan fakta-fakta dalam perkara itu dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak atas bahagian harta pesaka dan mengenai bahagian yang mereka berhak.

Bidangkuasa
menyemak
dan
mengawas.

47. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa mengawasi secara am dan bidangkuasa menyemak ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika nampaknya perlu demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak pihak atau orang yang berkenaan, pada mana-mana peringkat dalam sesuatu perkara atau prosiding sama ada Mal atau Jenayah dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah meminta dan memeriksa mana-mana rekod dan boleh menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen 44 (2) atau memberi apap-apa arahan yang perlu di sisi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah meminta rekod di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah mengenai perkara atau prosiding yang menjadi soal itu hendaklah dihentikan sementara menanti arahan seterusnya dari Mahkamah Tinggi Syariah.

48. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan tugasnya dari bidangkuasa asalnya.

Bidangkuasa
Mahkamah
Rayuan
Syariah.

- (2) (a) Bila suatu rayuan dari suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah pun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan dari mana-mana pihak memberi kebenaran bagi memutuskan dengan sendirinya mengenai mana-mana soalan undang-undang yang menjadi kepentingan awam yang telah timbul dalam masa rayuan dan keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan.
- (b) Bila kebenaran telah pun diberi oleh Mahkamah Rayuan Syariah ia hendaklah mendengar dan memutuskan soalan yang dibenarkan untuk dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang Mahkamah Tinggi Syariah boleh jika ia fikirkan adil bagi menjalankan rayuan itu.

49. (1) Tiap-tiap rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar oleh seorang Pengurus dan dua orang anggota terdiri daripada Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie.

Keahlian
Mahkamah
Rayuan
Syariah.

(2) Ketua Hakim Syarie hendaklah menjadi Pengerusi bagi setiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah dan sekiranya ia tidak berupaya bertugas, maka seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang terkanan hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim Syarie untuk menjalankan tugas Pengerusi.

(3) Ketua Hakim Syarie berkuasa melantik mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi anggota sesuatu prosiding Mahkamah Rayuan Syariah sekiranya difikirkan perlu.

Keputusan
bagaimana
dibuat.

50. Rayuan hendaklah diputuskan mengikut pendapat lebih suara dari Hakim yang menganggotai Mahkamah Rayuan Syariah.

Penerusan
prosiding
dalam
Mahkamah
Rayuan
Syariah
walaupun
ketidadaan
Hakim.

51. (1) Jika dalam masa sesuatu prosiding dalam suatu rayuan atau mana-mana masa sebelum disampaikan hukuman, seseorang Hakim Rayuan Syarie yang mendengar prosiding itu tiada berupaya hadir dan menyelesaikan prosiding disebabkan sakit atau sebab-sebab lain, atau sebaliknya bagi menjalankan tugas Hakim Mahkamah itu, perbicaraan atau prosiding itu hendaklah, jika kedua pihak bersetuju, diteruskan dan keputusan atau keputusan yang ditangguh, mengikut keadaan yang sesuai, hendaklah diberi oleh dua orang Hakim yang ada itu, dan Mahkamah hendaklah bagi maksud rayuan, dianggap telah sepenuhnya dianggotai walaupun ketidakhadiran atau ketidakupayaan Hakim yang tertentu itu.

(2) Dalam mana-mana kes seperti yang tersebut di bawah subsekyen (1) rayuan hendaklah diputuskan oleh Hakim yang ada itu dan jika tiada keputusan sebulat suara, rayuan hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah subsekyen (1) kedua-dua pihak tiada memberi persetujuan, atau lebih seorang Hakim tidak berupaya, disebabkan sakit atau sebab-sebab lain bagi menghadiri atau menyelesaikan prosiding atau sebaliknya tiada upaya menjalankan tugasnya sebagai Hakim Mahkamah itu, rayuan itu hendaklah didengar semula.

52. Tiada sesuatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah boleh melibatkan mana-mana hak, dan harta seseorang bukan Islam.

Mengeluarkan orang bukan Islam dari bidangkuasa.

53. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan menetapkan acara bagi membuat rayuan dan permohonan bagi kebenaran untuk merayu.

Peraturan Rayuan.

BAHAGIAN IV

PENDAKWAAN DAN PERWAKILAN

54. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah atas nasihat Majlis melantik seorang yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, menjadi Ketua Pendakwa Syarie.

Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama.

(2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan mengikut budibicaranya untuk mendakwa, menjalankan atau tidak meneruskan mana-mana prosiding bagi kesalahan di dalam Mahkamah Syariah.

(3) Ketua Pendakwa Syarie boleh melantik orang-orang yang sesuai dan layak dari kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah atau Perkhidmatan Awam menjadi Timbalan Pendakwa Syarie yang akan bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang diberikan kepada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie di bawah mana-mana undang-undang bertulis kecuali mana-mana hak atau kuasa yang disebutkan dengan nyata yang mesti dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

(4) Majlis boleh melantik Pegawai Penguatkuasa Agama untuk membantu dalam penyiasatan kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan Syariah.

Peguam
Syarie.
Akta 166.

55. (1) Majlis boleh melantik mana-mana pegawai undang-undang Kerajaan Persekutuan dan mana-mana pegawai undang-undang yang memiliki sijil yang sah dikeluarkan di bawah Akta Profesyen Undang-Undang 1976, atau mana-mana orang yang berkelayakan menjadi Peguam Syarie bagi hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah.

(2) Kelayakan bagi perlantikan sebagai Peguam Syarie hendaklah ditetapkan oleh peraturan yang dibuat oleh Majlis.

(3) Peraturan tersebut boleh memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang dilantik menjadi Peguam Syarie hendaklah memiliki sijil yang dikeluarkan oleh Majlis dan ditandatangani oleh Pengerusi setelah dibayar fee yang ditetapkan. Sijil tersebut hendaklah dipanggil "Sijil Peguam Syarie".

(4) Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) hendaklah kekal sah bagi satu tahun daripada tarikh pengeluarnya:

Dengan syarat Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkannya.

BAHAGIAN V

MASJID

Pemegangan
amanah
masjid dan
tanah yang
berkaitan.

Akta 56/65.

56. Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, Baitulmal hendaklah menjadi pemegang amanah bagi semua masjid di dalam Negeri Selangor dan setiap masjid bersama-sama dengan tanahnya, dan mana-mana tanah yang berhubungan dengan dan digunakan bagi faedah masjid, selain daripada tanah Kerajaan atau tanah rezab bagi maksud awam, hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan tanpa apa-apa pindah hak, penyerahan hak atau pindahmilik, terletak hak kepada Baitulmal bagi maksud Enakmen ini.

57. (1) Tiada seorang pun boleh tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan mana-mana bangunan untuk digunakan sebagai masjid, atau menjadikan atau menggunakan sebaliknya mana-mana bangunan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bangunan digunakan sebagai masjid.

Sekatan
membina
masjid.

(2) Majlis tidak boleh memberi kebenaran di bawah subseksyen (1), kecuali tapak bangunan bagi masjid yang dicadangkan itu telah dijadikan wakaf kekal selama-lamanya.

58. (1) Majlis hendaklah mempastikan bahawa semua masjid dalam Negeri Selangor adalah dijaga dalam keadaan baik dan kawasannya dijaga dalam keadaan bersih; dan Majlis boleh menambah, dan memohon, atau membenarkan penambahan dan pemakaian kumpulan wang yang khusus bagi maksud memperbaiki atau menjaga, atau boleh membayar belanja pemberian dan penjagaan daripada kumpulan wang tersebut.

Penjagaan
masjid dan
kawasan.

(2) Imam hendaklah memberitahu Majlis dengan segera apabila berlaku keadaan yang memerlukan pemberian segera bagi masjid di bawah jagaannya dan hendaklah mengawasi mana-mana pemberian itu sebagai wakil bagi pihak Majlis.

(3) Tiada ubahsuaian kepada bentuk masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

(4) Majlis boleh mengarahkan sesuatu jawatankuasa kariah menjaga masjid yang ia adalah berkuasa atasnya, dalam keadaan baik.

59. (1) Majlis boleh pada bila-bila masa menetapkan, meminda atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.

Sempadan
Kariah
masjid.

(2) Setiap sempadan yang ditetapkan, dipinda atau diubah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

SELANGOR No. 2 TAHUN 1989

Perlantikan
Pegawai
Masjid.

60. (1) Bagi setiap masjid dalam Negeri Selangor maka hendaklah dilantik seorang Nazir, Imam, Bilal dan Siak.

(2) Jawatan-jawatan Imam, Bilal dan Siak hendaklah menjadi jawatan penjawat awam.

(3) Imam dan Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis daripada kalangan orang-orang yang berkhidmat dalam Pentadbiran Agama.

(4) Apabila berkuatkuasa seksyen ini tiap-tiap orang yang menjadi Nazir, Imam, Bilal dan Siak sebelum sahaja berkuatkuasanya seksyen ini yang dilantik di bawah Enakmen, hendaklah dianggap sebagai telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Nazir, Imam, Bilal dan Siak masjid itu dan hendaklah tertakluk kepada seksyen 62 terus menjalankan tugasnya.

Tauliah.

61. (1) Setiap orang yang dilantik menjadi Nazir, Imam, Bilal dan Siak termasuk setiap orang yang dianggapkan telah dilantik di bawah seksyen 60 (4) hendaklah diberi tauliah oleh Majlis.

(2) Setiap pegawai masjid hendaklah mempunyai kuasa dan tugas yang boleh ditetapkan dalam tauliah mereka masing-masing.

Tempoh
jawatan
Pegawai
Masjid.

62. (1) Setiap pegawai masjid hendaklah memegang jawatan dengan persetujuan daripada Majlis dan boleh ditamatkan melalui notis daripada Majlis tetapi tiada seseorang pegawai masjid boleh menjawat jawatan itu apabila telah berumur enam puluh tahun:

Dengan syarat Majlis boleh, jika difikir perlu, melantik seseorang yang berumur lebih daripada enam puluh tahun memegang mana-mana jawatan pegawai masjid di atas syarat-syarat yang difikirkan perlu.

(2) Adalah menjadi kewajipan Setiausaha membawa kepada pengetahuan Majlis kelakuan buruk mana-mana pegawai masjid, sama ada berkaitan dengan tugasnya atau sebaliknya dan Setiausaha hendaklah membuat apa-apa syor.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

63. Dalam perlaksanaan tugas mereka, Imam, Bilal dan Siak hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Nazir.

Kawalan dan
arahan ke
atas pegawai
masjid.

64. (1) Majlis boleh, dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat kaedah untuk—

Jawatan
kuasa
Kariah

- (a) pembentukan jawatankuasa kariah;
- (b) memperuntukkan cara mana anggota-anggota jawatankuasa kariah itu dilantik; dan
- (c) memperuntukkan kewajipan-kewajipan jawatankuasa kariah.

(2) Jawatankuasa Kariah, bersama-sama dengan pegawai masjid hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi pentadbiran yang betul dan sempurna ke atas masjid dan tanah perkuburan Islam dalam kariahnnya;
- (b) bertanggungjawab agar anak kariah berkelakuan baik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Agama Islam; dan
- (c) memberi laporan segera kepada Majlis semua perkara yang berlaku dalam kariah yang memerlukan perhatian Majlis.

65. Majlis boleh dengan pemberitahuan dalam Warta mengecualikan mana-mana masjid dari semua atau mana-mana peruntukan Bahagian ini.

Pengecualian

BAHAGIAN VI

PUNGUTAN KHAIRAT

66. (1) Majlis bolehlah memungut atau boleh mengeluarkan surat kebenaran kepada sesiapa atau kumpulan orang mengizinkan orang atau orang-orang itu memungut wang atau apa-apa pemberian kerana khairat bagi menyokong dan menggalakkan Agama Islam mengikut undang-undang Agama Islam dan boleh juga dengan surat kebenaran yang demikian itu menentukan syarat-syarat yang difikirkannya patut.

Pungutan
khairat.

(2) Hendaklah disifatkan sebagai satu syarat yang tertentu tiap-tiap surat kebenaran iaitu orang yang mendapat kebenaran itu atau tiap-tiap orang lain yang dikuasakan mengikut kebenaran itu memungut wang atau apa-apa pemberian yang lain hendaklah—

- (a) mengeluarkan resit mengikut nombor siri di dalam borang yang ditetapkan di atas tiap-tiap wang yang dipungut;
- (b) menyimpan kira-kira yang betul lagi penuh di atas wang yang dipungut dan yang dikeluarkan dengan disokong oleh baucer;
- (c) menunjukkan segala potongan resit kira-kira dan baucer bagi disiasat dan diperiksa oleh Majlis bila-bila dikehendaki;
- (d) digunakan dan dikeluarkan semua wang yang telah dipungut mengikut syarat surat kebenaran atau jika tiada peraturan bagaimana menggunakan wang itu yang telah disyaratkan dengan nyata membayar dan menjelaskan wang itu kepada Baitulmal.

(3) Wang yang dipungut mengikut seksyen ini bolehlah digunakan bagi maksud yang tertentu jika diperintahkan oleh Majlis tetapi jika tiada perintah yang demikian itu hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(4) Tiada seorang pun boleh membuat pungutan atau mengambil bahagian di dalam pungutan wang bagi penggunaan yang telah disebutkan melainkan dengan kebenaran daripada Majlis atau dengan adanya surat kebenaran daripada Majlis dan menjalan maksud-maksud surat kebenaran yang demikian itu.

(5) Seseorang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan seksyen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dikenakan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya dan mahkamah boleh menghukumkan mana-mana wang atau harta yang dikumpulkan itu diserahkan kepada Baitulmal.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

BAHAGIAN VII

ORANG MEMELOUK AGAMA ISLAM

67. Bagi maksud Bahagian ini seseorang yang bukan beragama Islam boleh memeluk Agama Islam jika ia telah mencapai umur baligh mengikut Hukum Syara' dan sempurna akal.

Keupayaan
masuk Islam.

68. (1) Syarat yang berikut hendaklah dipatuhi bagi seseorang yang memeluk Agama Islam iaitu—

Syarat
memeluk
Agama
Islam.

(a) orang itu hendaklah mengucapkan kalimah syahadah dalam bahasa Arab;

(b) pada masa mengucap dua kalimah syahadah itu, orang itu sedar bahawa ia bermakna "Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah"; dan

(c) pengucapan itu mesti dibuat dengan kerelaan hati orang itu.

(2) Seseorang yang tiada boleh bercakap boleh bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (a) daripada subseksyen (1), mengucapkan dua kalimah syahadah dengan cara isyarat yang menunjukkan makna yang terkandung dalam perenggan (b) daripada subseksyen itu.

69. Dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 67 dan seksyen 68 telah dipenuhi, seseorang itu telah memeluk Agama Islam dan menjadi seorang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua kalimah syahadah dan orang tersebut hendaklah dirujuk sebagai muallaf.

Saat
memeluk
Agama
Islam.

70. Jika pada saat ia memeluk Agama Islam, seseorang Muallaf sama ada lelaki atau perempuan, ada mempunyai anak kandungan yang belum mencapai umur baligh mengikut Hukum Syara', kanak-kanak itu adalah memeluk Agama Islam pada saat yang sama.

Pemelukan
Agama Islam
oleh kanak-
kanak.

Hak dan
kewajipan
muallaf.

71. Dari saat ia memeluk Agama Islam, seseorang Muallaf, termasuk muallaf kanak-kanak, mempunyai hak dan kewajipan yang sama seperti orang Islam yang lain.

Daftar
Muallaf.

72. Pendaftar Muallaf hendaklah dilantik oleh Majlis untuk menyelenggarakan suatu Daftar Muallaf dalam borang yang ditetapkan.

Pendaftaran
pemelukan
ke Agama
Islam.

73. (1) Seorang yang memeluk Agama Islam boleh memohon kepada Pendaftar Muallaf, dalam borang yang telah ditetapkan, untuk pendaftaran pemelukannya ke Agama Islam.

(2) Jika Pendaftar Muallaf berpuas hati bahawa kehendak-kehendak seksyen 67 dan seksyen 68 telah dipenuhi oleh orang itu, Pendaftar Muallaf boleh mendaftar pemelukan ke Agama Islam orang itu dalam Daftar Muallaf.

(3) Jika Pendaftar Muallaf berpuas hati muallaf itu ada anak yang belum mencapai umur baligh mengikut Hukum Syara', Pendaftar Muallaf hendaklah mendaftarkan juga pemelukan ke Agama Islam setiap kanak-kanak itu dalam Daftar Muallaf.

(4) Pendaftar Muallaf hendaklah juga menentukan tarikh seseorang itu memeluk Agama Islam dan mencatatkan tarikh itu di dalam Daftar Muallaf.

(5) Bagi maksud memuaskan hatinya akan hal dan tarikh pemelukan ke Agama Islam, tentang adanya anak kandung pemohon, dan umur anak itu dan butiran-butiran lain, Pendaftar Muallaf boleh membuat siasatan dan boleh mendapatkan keterangan sebagaimana yang ia fikirkan mustahak, tetapi subseksyen ini tidak boleh dianggap sebagai menghalang Pendaftar Muallaf daripada hanya menerima semata-mata perkataan pemohon setakat yang mengenai hal kemasukannya dan tarikhnya.

(6) Jika Pendaftar Muallaf tidak berpuas hati bahawa kehendak seksyen 68 telah dipenuhi bagi diri pemohon bagi maksud masuk Islam, dia boleh

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

membenarkan pemohon mengucap dua kalimah syahadah di hadapannya atau di hadapan mana-mana pegawaiya mengikut kehendak seksyen tersebut.

74. (1) Pendaftrar Muallaf hendaklah menyerahkan kepada setiap orang yang pemelukannya ke Agama Islam telah pun didaftarkan dalam Daftar Muallaf suatu Sijil Pemelukan ke Agama Islam dalam borang yang ditetapkan.

(2) Sijil Pemelukan ke Agama Islam untuk kanak-kanak yang memeluk Agama Islam hendaklah diberikan kepada keluarganya yang telah pun memeluk Agama Islam atau jika kedua-dua ibubapanya telah memeluk Agama Islam, sijil tersebut diserahkan kepada bapanya.

(3) Sijil Pemelukan ke Agama Islam hendaklah menjadi bukti muktamad akan hal yang terkandung di dalamnya.

75. (1) Seseorang yang pemelukannya ke Agama Islam telah pun didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah bagi semua maksud, termasuklah bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri dan untuk semua masa diperlakukan sebagai seorang Islam.

(2) Seseorang yang memeluk Agama Islam yang telah didaftarkan di bawah undang-undang mana-mana negeri hendaklah bagi semua maksud di Negeri Selangor dan bagi maksud menguatkuasakan peruntukan mana-mana undang-undang di Negeri Selangor diperlakukan sebagai seorang Islam.

76. Jika apa-apa soal-timbul dalam Negeri Selangor sama ada seorang itu muallaf dan orang itu tidak didaftarkan dalam Daftar Muallaf atau tidak didaftar di bawah mana-mana undang-undang mana-mana negeri sebagai muallaf, soal itu hendaklah diputuskan oleh Mahkamah berdasarkan Hukum Syara'.

Sijil
Pemelukan
ke Agama
Islam.

Pengikti-
rafan
Muallaf
sebagai
orang Islam.

Menentukan
sama ada
orang yang
tiada
daidaftarkan
seorang
Islam.

SELANGOR No. 2 TAHUN 1989

Kesalahan memberi maklumat palsu.

77. Seseorang yang pada masa memohon untuk didaftarkan di bawah seksyen 74 atau sebagai jawapan kepada sebarang permintaan untuk maklumat atau keterangan yang dibuat oleh Pendaftar Muallaf di bawah seksyen itu, dengan sengaja memberi kepada Pendaftar Muallaf sebarang maklumat palsu atau yang mengelirukan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Kuasa membuat kaedah.

78. Majlis boleh membuat kaedah-kaedah bagi kuatkuasa peruntukan Bahagian ini.

Jawatan-kuasa Penasihat Agama.

BAHAGIAN VIII

PELAJARAN AGAMA

79. (1) Majlis hendaklah melantik sebuah jawatankuasa dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Pengajaran Agama yang terdiri daripada:

(a) Mufti yang hendaklah pada lazimnya menjadi Pengurus;

(b) tidak kurang daripada tiga ulamak yang dilantik oleh Majlis.

(2) Setiausaha Majlis hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa adalah berkuasa mengeluarkan tauliah bagi maksud mengajar mengenai apa-apa aspek Agama Islam dan juga menarik balik tauliah tersebut.

(4) Majlis, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, boleh membuat kaedah bagi peruntukan berikut:

(a) aturcara, keperluan, dan hal-hal lain berkaitan dengan pemberian tauliah di bawah seksyen ini, termasuk bayaran yang ditetapkan;

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

- (b) aturcara jawatankuasa itu;
 - (c) elauan yang patut dibayar kepada ahli jawatankuasa.
- (5) Setiap kebenaran bertulis yang dikeluarkan atau yang telah dikeluarkan bagi maksud Enakmen hendaklah dianggap sebagai tauliah yang diberi di bawah seksyen ini.

80. Tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam, 1988. Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftar dan mengawal perjalanan sekolah-sekolah Agama Islam di dalam Negeri Selangor.

Sekolah
Agama
bukan
milik
Kerajaan.
En. 2/88.

81. Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada mana-mana peruntukan Bahagian ini.

Kekecualian.

BAHAGIAN IX

AM

82. Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* membuat kaedah bagi maksud menjalankan peruntukan Enakmen ini dan khususnya, tanpa menyentuh kelulusan peruntukan tersebut, kaedah itu boleh memperuntukkan bagi—

- (a) prosedur Majlis, bentuk dan cara perlaksanaan suratan Majlis, dan perlantikan pegawai rendah Majlis;
- (b) bayaran yang kena dibayar berkenaan apa-apa tindakan atau perkara yang dibuat mengikut Enakmen ini, dan cara memungut dan melupuskan bayaran itu;
- (c) perlantikan Jawatankuasa Majlis dan kuasa, kewajipan dan prosedurnya;
- (d) amalan dan prosedur Mahkamah Syariah;

Kaedah.

SELANGOR NO. 2 TAHUN 1989

- (e) borang, daftar, buku kira-kira, laporan, kira-kira, anggaran belanjawan dan dokumen-dokumen lain yang digunakan berkaitan dengan tindakan atau perkara yang dibuat di bawah atau mengikut Enakmen ini;
- (f) pentadbiran mana-mana kutipan khairat dan pelupusan hasilnya;
- (g) pentadbiran mana-mana masjid atau surau atau tanah perkuburan dan semua perkara yang berkaitan dengannya;
- (h) kuasa dan kewajipan pegawai masjid;
- (i) penetapan dan pengisytiharan sempadan kariah;
- (j) pengawasan dan pengajaran muallaf, dan cara pendaftaran muallaf;
- (k) prosedur berkaitan dengan pengawasan, pengajaran, kuliah dan kerja-kerja dakwah;
- (l) pendaftaran tempat-tempat pengajaran agama dan sekolah-sekolah agama;
- (m) perjalanan dan pentadbiran rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis; dan
- (n) pengawasan dan kawalan anak-anak yatim dan kanak-kanak di bawah penjagaan Majlis.

•
Rengecua-
lian kaedah
dan perlantikan.

83. Semua kaedah, pengisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran dan perlantikan yang dikeluarkan di bawah atau dengan kuasa, daripada mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Enakmen ini hendaklah kekal berkuatkuasa, selagi ianya tidak berlawanan dengan, atau digantikan dengan peruntukan Enakmen ini, sehingga dibatal atau diganti oleh kaedah perisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran, atau perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah peruntukan Enakmen ini.

PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM

84. (1) Apabila sahaja mula berkuatkuasa Enakmen ini, Mahkamah Kadi hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Rendah Syariah dan hendaklah disifatkan sebagai Mahkamah Rendah Syariah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 37 Enakmen ini.

Pertukaran
nama
Mahkamah
Kadi.

(2) Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa Enakmen ini adalah Kadi hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, disifatkan sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

85. (1) Apabila sahaja mula berkuatkuasa Enakmen ini, Mahkamah Kadi Besar hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Syariah, dan hendaklah disifatkan sebagai Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 37 Enakmen ini.

Pertukaran
nama
Mahkamah
Kadi Besar.

(2) Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa Enakmen ini memegang jawatan Kadi Besar atau Timbalan Kadi Besar hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, disifatkan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

86. Sebelum Mahkamah Rayuan Syariah ditubuhkan di bawah Seksyen 37 Enakmen ini, Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan di bawah Enakmen 1952 hendaklah dikekalkan dengan mempunyai segala kuasa Mahkamah Rayuan Syariah di bawah Enakmen ini dan orang-orang yang sebelum berkuatkuasa Enakmen ini adalah Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan hendaklah, masing-masingnya disifatkan sebagai Ketua Hakim Syarie dan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sehingga perlantikan mereka ditamatkan.

Kecualian.
En. 3/52.

87. Bahagian I, II, III, V, VI, VII, VIII dan IX, Enakmen 1952 adalah dengan ini termansuh dan hendaklah dengan ini terhenti daripada dipakai di Negeri Selangor.

Pemansuhan.
En. 3/52.

**JADUAL
SEKSYEN 2 (2)
BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN
DAN UNGKAPAN TERTENTU**

Faraq	فرق
Fasakh	فسخ
Fatwa	فتوى
Hadd	حد
Hadis	حديث
Hudud Syarie	حدود شرعى
Hukum Syarak	حکوم شرع
Jumaat	جمعة
Kariah	گریہ
Liwat	لواط
Mufti	مفتي
Murtad	مرتد
Muslim	مسلم
Nass	نص
Naqib	نائب
Qaul Muktamad	قول معتقد
Qazab	لذب
Quran	قرآن
Sihaq	سخاف
Syariah	شرعية
Syura	شوري
Takfir	تكفير
Takzir	تعزير
Tauliah	تولیة
Wakaf	وقف
Zina	زناء

Diluluskan pada 19hb Julai 1989.
[PU. Sel: 1545 Sj. 18/1; DUN. Sel: 30051/49.]

ADZMI BIN ARIFFIN,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri, Selangor

SELANGOR

ENAKMEN NO. 8 tahun 1992

BETA PERKENANKAN,

T.T.

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,

Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

7hb November 1992

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam, 1989.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Pindaan) 1992 dan hendaklah disifatkan sebagai telah berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.
2. Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam, 1989 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Mahkamah Rendah Syariah" di dalam perenggan (b) kepada subseksyen (2) bagi seksyen 43

Tajuk ringkas
dan mula
berkuatkuasa.

Pindaan
kepada
seksyen
43 (2) (b).
En. 2/89.

SELANGOR NO. 8 TAHUN 1992

dengan perkataan-perkataan "Mahkamah Tinggi Syariah".

Diluluskan pada 19hb Oktober 1992,

[DUN. Sel. 30287/5; JAIS, 0125 SK. 11;

PU. Sel. 1545/4.]

t.t.

HAJI ADZMI BIN ARIFFIN,

Setiausaha,

Dewan Undangan Negeri,

Selangor.

SELANGOR

ENAKMEN No. 8 tahun 1995

BETA PERKENANKAN,

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

10 hb Januari 1996

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran
Perundangan Islam 1989.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang
berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Tajuk
Perundangan Islam (Pihdaan) 1995. ringkas.
2. Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, yang Pindaan
disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini, adalah dipinda seksyen 2.
dalam subseksyen 2(1)—
(a) dengan memasukkan selepas takrif "Enakmen
1952" takrif yang berikut:
"Hakim Mahkamah Rayuan Syariah"
ertinya anggota panel tetap Hakim Mahkamah
Rayuan Syariah yang dilantik di bawah
seksyen 38(1A); Sel. En.
2/1989.

SELANGOR NO 8 TAHUN 1995

- (b) dalam takrif "Pegawai Masjid," dengan menggantikan perkataan "Naqib" dengan perkataan "Nazir";
- (c) dengan memotong takrif "Pembantu Bilal"; dan
- (d) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan takrif yang berikut selepas takrif "Syariah Subordinate Court Judge":
- ‘ “Syarie Judge” or “Judge” means a Syarie Judge appointed under section 38(1);’.

Seksyen
baru 4A dan
4B.

3. Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Fungsi
ekonomi
dan
sosial
Majlis.”

4A. Adalah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, merangsangkan, dan memudahkan pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Kuasa-
kuasa
tambahan
Majlis.

4B. (1) Bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah Enakmen ini, khususnya di bawah seksyen 4A, Majlis hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menjalankan segala aktiviti, termasuk aktiviti perdagangan dan perindustrian, yang pada pendapat Majlis adalah perlu, berfaedah atau sesuai untuk atau berkaitan dengan kewajipan itu;
- (b) untuk menubuhkan syarikat dengan apa-apa nama yang difikirkan sesuai oleh Majlis;
- (c) untuk menggalakkan penjalanan mana-mana aktiviti sedemikian oleh mana-mana badan atau orang lain dan bagi maksud itu memberikan bantuan kepada badan atau orang itu, termasuk bantuan kewangan dengan cara melanggani modal syer atau pinjaman atau memberikan pinjaman atau selainnya;

- (d) untuk menjalankan mana-mana aktiviti sedemikian bersama-sama dengan mana-mana badan atau orang lain (termasuk mana-mana Jabatan atau pihak berkuasa Kerajaan Negeri Selangor) atau sebagai ejen, pengurus atau selainnya bagi pihak badan atau orang itu;
- (e) untuk membeli, menaja jamin atau selainnya memperoleh apa-apa saham atau syer dalam mana-mana syarikat, sama ada syarikat awam atau persendirian, dan melupuskannya atas apa-apa terma atau syarat yang ditentukan oleh Majlis;
- (f) untuk menu buhkan dan menyenggara institusi latihan; dan
- (g) untuk melakukan segala perbuatan lain yang pada pendapat Majlis adalah wajar atau suaimanfaat.

(2) Seksyen 4A dan seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh Enakmen ini mula berkuatkuasa dan hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral Enakmen ini mulai dari tarikh itu dan—

- (a) apa-apa jua yang telah dilakukan oleh Majlis sebelum tarikh seksyen ini mula berkuatkuasa hendaklah, jika boleh dibuat dengan sah oleh Majlis sekiranya seksyen ini telah berkuatkuasa, disifatkan telah dilakukan dengan sah oleh Majlis di bawah seksyen ini; dan
- (b) mana-mana syarikat yang telah ditubuhkan oleh Majlis sebelum tarikh seksyen ini mula berkuatkuasa hendaklah disifatkan telah ditubuhkan dengan sah dan mengikut peruntukan seksyen ini.”.

SELANGOR NO. 8 TAHUN 1995

Pindaan
seksyen 5.

4. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 5(4) Enakmen ibu adalah dipinda—
(a) dengan memasukkan perkataan “bila-bila” selepas perkataan “Jika pada”; dan
(b) dengan menggantikan perkataan “orang Islam” dengan perkataan “pegawai lain yang beragama Islam yang paling kanan selepas orang itu”.

Pindaan
seksyen 23.

5. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 23(1) Enakmen ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “agak”.

Pindaan
seksyen 24.

6. Teks bahasa kebangsaan seksyen 24 Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “mengenai perlaksanaan perjalanan” dengan perkataan “untuk melaksanakan mana-mana kewajipan dan menjalankan”; dan
(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “tugas” dengan perkataan “kewajipan”.

Pindaan
seksyen 31.

7. Teks bahasa kebangsaan seksyen 31 Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “kewajipan peribadi, kepercayaan atau pendapat” dengan perkataan “kewajipan, kepercayaan atau pendapat peribadi”; dan
(b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “ditetapkan” perkataan “dalam fatwa”.

Pindaan
seksyen 32.

8. Teks bahasa kebangsaan seksyen 32 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan Jawi boleh juga disiarkan.”.

9. Teks bahasa kebangsaan seksyen 35 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan seksyen 35. "mengesahkan" dengan perkataan "memperakukan".

10. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 36(1) Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "mengesahkan" dengan perkataan "memperakukan".

11. Seksyen 38 Enakmen ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah" dengan perkataan "Ketua Hakim Syarie";

(b) dengan memasukkan subseksyen yang berikut selepas subseksyen (1):

"(1A) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melantik, selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun, tidak lebih daripada tujuh orang Islam untuk menubuhkan suatu panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.,"

(c) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "perlantikan" perkataan "seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau"; dan

(d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "subseksyen (1)" dengan perkataan "subseksyen (1) atau (1A)".

12. Subseksyen 39(8) Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Hakim-Hakim Syarie" perkataan "tetapi tidaklah terpakai bagi Hakim Mahkamah Rayuan Syariah".

13. Seksyen 44 Enakmen ibu adalah dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "hendaklah ditujukan kepada Mahkamah Tinggi Syariah dari" dengan perkataan "boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap";

Pindaan
seksyen 38.

Pindaan
seksyen 39.

Pindaan
seksyen 44.

SELANGOR No. 8/ TAHUN 1995

- (ii) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan "satu";
- (b) dalam perenggan (2)(a)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "pihak yang merayu," dengan perkataan "orang tertuduh, membatalkan sabitan dan hukuman orang tertuduh"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "lanjut," perkataan "mengurangkan,".

Pindaan
seksyen 48. 14. Teks bahasa kebangsaan seksyen 48 Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen 2(a), dengan menggantikan perkataan "bagi memutuskan dengan sendirinya mengenai" dengan perkataan "untuk ia memutuskan sendiri";
- (b) dalam subseksyen 2(b), dengan menggantikan perkataan "yang Mahkamah Tinggi Syariah boleh jika ia fikirkannya adil" dengan perkataan "yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagaimana yang difikirkannya adil".

Pindaan
seksyen 49. 15. Subseksyen 49 (1) Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "hendaklah didengar oleh seorang Pengerusi dan dua orang anggota terdiri daripada" dengan perkataan "hendaklah didengar dan dibereskan oleh seorang Pengerusi dan dua orang".

Pindaan
seksyen 51. 16. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 51(1) Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Hakim Rayuan Syarie" dengan perkataan "Hakim Mahkamah Rayuan Syariah".

Pindaan
seksyen 53. 17. Teks bahasa kebangsaan seksyen 53 Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "peraturan" dengan perkataan "kaedah-kaedah"; dan
- (b) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Peraturan Rayuan" dengan perkataan "Kaedah rayuan".

18. Seksyen 55 Enakmen ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi Peguam Syarie untuk hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah.”;

(b) dalam teks bahasa kebangsaan subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “peraturan” dengan perkataan “kaedah-kaedah”;

(c) dalam teks bahasa kebangsaan subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Peraturan tersebut” dengan perkataan “Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2)”;

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Majlis boleh, melalui kaedah-kaedah, membenarkan mana-mana pegawai awam yang ditentukan dalam kaedah-kaedah itu hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah, walau apa pun subseksyen (1) dan (2), jika pegawai itu dibenarkan hadir dan mewakili pihak itu di mana-mana mahkamah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa di Malaysia.”.

19. Seksyen 57 Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah boleh, setelah mengambil kira hak mana-mana orang lain, memerintahkan supaya bangunan itu dirobohkan atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut.”.

Pindaan
seksyen 55.

SELANGOR NO. 8 TAHUN 1995

Pindaan
seksyen 58.

20. Seksyen 58 Enakmen ibu adalah dipinda—
(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “kumpulan wang tersebut” dengan perkataan “Baitulmal”; dan
(b) dalam teks bahasa kebangsaan subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “ubahsuaian kepada bentuk” dengan perkataan “ubahsuaian material kepada struktur”.

Pindaan
seksyen 60.

21. Seksyen 60 Enakmen ibu adalah dipinda—
(a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Siak” perkataan “bagi mana-mana masjid yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*”; dan
(b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Bilal” perkataan “bagi masjid yang ditetapkan di bawah subseksyen (2)”.

Pindaan
seksyen 66.

22. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 66(5) Enakmen ibu adalah dipinda—
(a) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “boleh”; dan
(b) dengan menggantikan perkataan “dikumpulkan” dengan perkataan “dipungut”.

Pindaan
seksyen 68.

23. Teks bahasa kebangsaan perenggan 68(1)(a) Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “mengucapkan” perkataan “dua”.

Pindaan
seksyen 74.

24. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 74(2) Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “keluarganya” dengan perkataan “ibu atau bapanya”.

Pindaan
seksyen 77.

25. Teks bahasa kebangsaan seksyen 77 Enakmen ibu adalah dipinda—
(a) dengan menggantikan perkataan “maklumat palsu” dengan perkataan “maklumat atau keterangan yang palsu”; dan
(b) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “boleh”.

26. Seksyen 79 Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Mana-mana orang yang tauliahnya sudah ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu bahawa tauliahnya sudah ditarik balik, menyerahkan tauliah itu kepada Setiausaha Jawatankuasa.

(3B) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3A) adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”.

27. Bahagian IX Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 82 seksyen yang berikut:

“Pengkom paunan kesalahan. 81A. (1) Majlis atau mana-mana pegawai Jabatan Agama Islam Selangor yang diberikuasa secara bertulis oleh Majlis boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan boleh kompaun—

(a) dengan membuat tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu kepada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu; dan

(b) sekiranya tawaran itu diterima, dengan memungut daripada orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi satu perempat daripada amaun denda yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

(2) Apabila sesuatu kesalahan sudah dikompaunkan di bawah seksyen ini, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran telah dibuat di bawah subseksyen (1)(a).

Pindaan
seksyen 79.

Seksyen
baru 81A.

SELANGOR No. 8 TAHUN 1995

(3) Dalam seksyen ini "kesalahan boleh kompaun" ertinya kesalahan yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 82 sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan.”.

Pindaan
seksyen 82.

28. Seksyen 82 Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “memperuntukkan bagi” dengan perkataan “mengadakan peruntukan tentang”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “suratan” dengan perkataan “suratcara”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
“(ba) penetapan kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan itu;”.

Diluluskan pada 11hb Disember 1995.

[PU. SEL. AGM/0012; DUN. SEL. 30287/1 Jld. I.]

ZULKEPLI BIN AHMAD,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor